

Faktor masa penyumbang pelajar pascasiswazah gagal untuk GOT

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

UB 29.11.2018 AH

KOTA KINABALU: Ketidalcukupan masa dan data antara faktor utama kegagalan pelajar pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk 'Graduate on Time' (GOT).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, faktor lain yang mempengaruhi kegagalan GOT termasuklah masalah dengan instrumen dan penulisan, sokongan kewangan, isu penyeliaan serta masalah disiplin.

Menurutnya, pada Konvokesyen UMS ke-20 baru-baru ini, sejumlah

227 pelajar pascasiswazah secara menyelidikan berjaya bergraduasi.

Bagaimanapun katanya, daripada jumlah itu hanya 36 graduan sahaja yang memperoleh GOT.

"Jumlah ini masih jauh daripada sasaran yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi 2018 untuk setiap universiti iaitu 30 peratus PhD dan 40 peratus sarjana.

"Saya berharap pelajar pascasiswazah dapat menyahut cabaran ini bukan sahaja untuk pencapaian dan kepuasan diri.

"Ia juga dapat menjimatkan masa pelajar dan penyelia, kos tambahan dan potensi mendapat kerja cepat juga adalah lebih

tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Sains Sosial dan Kemanusiaan (SPSSK) 2018 di sini pada Rabu. Teks ucapan beliau disampaikan oleh Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Prof Dr Ismail Ibrahim.

Seminar berkenaan dianjurkan buat julung kalinya oleh FKSW dan bakal dijadikan sebagai program atau aktiviti tahunan bagi Unit Pascasiswazah FKSW.

Kamarudin berkata, penyertaan pelajar pascasiswazah dalam seminar seumpama itu boleh membantu mereka untuk

GOT.

Di samping itu jelasnya, pihak pengurusan UMS juga menyediakan pelbagai insentif berupa bantuan kewangan dan geran penyelidikan khas untuk pelajar pascasiswazah.

Menurutnya, bantuan berkenaan bagi merangsang para pelajar pascasiswazah supaya berusaha lebih kompetitif dan berinovatif dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan bermutu.

Sumber kewangan adalah motivasi penting dalam memastikan para pelajar khususnya pascasiswazah menyelesaikan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

"Pusat Penyelidikan

dan Inovasi (PPI) juga menawarkan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) iaitu geran khas yang disediakan untuk pelajar pascasiswazah mod penyelidikan sepenuh masa.

"Ia bagi menjalankan penyelidikan khususnya bagi pelajar pascasiswazah di bawah seliaan pensyarah (penyelia) yang tidak mempunyai sebarang geran penyelidikan serta

mempunyai pelajar-pelajar seliaan yang berkelayakan.

"Bagi bidang sains sosial, geran adalah berjumlah RM5,000 bagi sarjana dan RM7,000 bagi PhD," katanya.



ISMAIL (depan, tiga kanan) dan peserta seminar merakamkan gambar bersama selepas majlis itu. Turut kelihatan Pengucap tahniah dan Sejarahwan Malaysia Prof Emeritus Datuk Dr Ahmat Adam (dua kanan).